



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2021

PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan penambahbaikan ke atas pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan kepada pegawai perkhidmatan awam yang dibersarakan atas sebab kesihatan.

LATAR BELAKANG

2. Pegawai yang pada pandangan Ketua Jabatan tidak dapat melaksanakan tugas-tugas hakikinya disebabkan penyakitnya, boleh dibersarakan atas sebab kesihatan menurut perenggan 10(5)(a) Akta Pencen 1980 [*Akta 227*] atau perenggan 10(5)(a) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] dengan berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995. Peruntukan di bawah Akta 227 dan Akta 239 digunakan bagi seseorang pegawai lantikan tetap yang telah disahkan dalam jawatannya, sama ada pegawai memilih Skim Pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3. Pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan akan terus dibayar pencen perkhidmatan, selain ganjaran perkhidmatan dan award wang tunai gantian cuti rehat, setelah tarikh persaraan berkuat kuasa.

FAEDAH PERSARAAN

4. Pengiraan faedah persaraan bagi pegawai berpencen yang dibersarakan atas sebab kesihatan adalah tertakluk kepada peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pencen 1980 [*P.U. (A) 176/1980*] atau peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 [*P.U. (A) 134/1990*], mengikut mana-mana yang berkenaan. Pengiraan faedah persaraan untuk pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan sebelum atau pada 31 Disember 2017 adalah mengikut tempoh perkhidmatan sebenar pegawai. Amaun pencen perkhidmatan yang kena dibayar hendaklah tidak kurang daripada satu per lima dan terhad kepada maksimum tiga per lima daripada gaji akhir pegawai.

5. Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik faedah persaraan kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan mulai 1 Januari 2018. Penambahbaikan yang dipersetujui adalah melibatkan penambahan tempoh perkhidmatan yang akan memberi implikasi kepada pengiraan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan seperti di Jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1:
Tempoh Perkhidmatan Bagi Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan
Ganjaran Perkhidmatan Bagi Persaraan Atas Sebab Kesihatan Mulai
1 Januari 2018**

Kategori	Tempoh Perkhidmatan Sebenar (TPS)	Tempoh Perkhidmatan Secara Isyarat	
		Pencen	Ganjaran
1	119 bulan dan kurang	240 bulan	TPS + 120 bulan
2	120 – 240 bulan	TPS + 120 bulan	TPS + 120 bulan
3	241 – 359 bulan	360 bulan	360 bulan
4	360 bulan dan lebih	360 bulan ¹	TPS

¹ Pengiraan pencen perkhidmatan bagi pegawai yang mempunyai tempoh perkhidmatan 360 bulan dan lebih adalah tertakluk kepada pengiraan pencen maksimum iaitu 60% daripada gaji akhir yang diterima.

Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran 1 hingga Lampiran 4.**

PELANTIKAN SEMULA PEGAWAI YANG TELAH DIBERSARAKAN ATAS SEBAB KESIHATAN

6. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [*P.U. (A) 1/2012*] membenarkan pegawai yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam.

7. Jika pegawai dilantik semula secara tetap ke dalam perkhidmatan awam, pegawai dianggap telah melepaskan keistimewaan pemberian faedah persaraan atas sebab kesihatan yang telah diterimanya, seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 9, P.U. (A) 176/1980 atau Peraturan 9, P.U. (A) 134/1990, mengikut mana-mana yang berkenaan.

8. Bagi pegawai yang dilantik semula sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam, atau dilantik semula sebagai pekerja tetap dalam perkhidmatan pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan, pencen yang diterimanya akan digantung menurut Seksyen 23, Akta 227 atau Seksyen 26, Akta 239, mengikut mana-mana yang berkenaan.

9. Pihak Berkuasa Melantik atau Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung dengan pelantikan semula secara tetap seseorang yang pernah dibersarakan atas sebab kesihatan.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan.

PENGECUALIAN

12. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah perenggan 10(5)(a) Akta 227 atau perenggan 10(5)(a) Akta 239 sebelum 1 Januari 2018.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

17 Mac 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Kategori 1: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar 119 Bulan Dan Kurang

Tempoh Perkhidmatan (TP)	Gaji Akhir (GA)	:	RM1,704.83
	TP Sebenar (TPS)	:	102 bulan
	TP Secara Isyarat (TPSI)	:	Pencen: 240 bulan Ganjaran: 222 bulan (102 bulan + 120 bulan)
Pencen	Pencen Sebenar	:	$1/600 \times GA \times TPS$ (tertakluk 1/5 daripada gaji akhir untuk persaraan atas sebab kesihatan bagi perkhidmatan kurang daripada 120 bulan)
		:	$1/5 \times RM1,704.83$
		:	RM340.96
	Pencen Baharu	:	$1/600 \times GA \times TPSI$ $1/600 \times RM1,704.83 \times 240 \text{ bulan}$ RM681.93
	Ganjaran Sebenar	:	$7.5\% \times GA \times TPS$ $7.5\% \times RM1,704.83 \times 102 \text{ bulan}$ RM13,041.94
Ganjaran	Ganjaran Baharu	:	$7.5\% \times GA \times TPSI$ $7.5\% \times RM1,704.83 \times 222 \text{ bulan}$ RM28,385.42

Kategori 2: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar Antara 120 Bulan Hingga 240 Bulan

Tempoh Perkhidmatan (TP)	Gaji Akhir (GA)	:	RM3,290.93
	TP Sebenar (TPS)	:	135 bulan
	TP Secara Isyarat (TPSI)	:	Pencen: 255 bulan (135 bulan + 120 bulan) Ganjaran: 255 bulan (135 bulan + 120 bulan)
Pencen	Pencen Sebenar	:	$1/600 \times \text{GA} \times \text{TPS}$ $1/600 \times \text{RM3,290.93} \times 135 \text{ bulan}$ RM740.45
	Pencen Baharu	:	$1/600 \times \text{GA} \times \text{TPSI}$ $1/600 \times \text{RM3,290.93} \times 255 \text{ bulan}$ RM1,398.65
	Ganjaran Sebenar	:	$7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPS}$ $7.5\% \times \text{RM3,290.93} \times 135 \text{ bulan}$ RM33,320.66
Ganjaran	Ganjaran Baharu	:	$7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPSI}$ $7.5\% \times \text{RM3,290.93} \times 255 \text{ bulan}$ RM62,939.04

Kategori 3: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar Antara 241 Bulan Hingga 359 Bulan

Tempoh Perkhidmatan (TP)	Gaji Akhir (GA)	:	RM2,203.56
	TP Sebenar (TPS)	:	255 bulan
	TP Secara Isyarat (TPSI)	:	Pencen: 360 bulan Ganjaran: 360 bulan
Pencen	Pencen Sebenar	:	$1/600 \times \text{GA} \times \text{TPS}$
		:	$1/600 \times \text{RM2,203.56} \times 255 \text{ bulan}$
		:	RM936.51
Ganjaran	Pencen Baharu	:	$3/5 \times \text{RM2,203.56}$
		:	RM1,322.14
	Ganjaran Sebenar	:	$7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPS}$
		:	$7.5\% \times \text{RM2,203.56} \times 255 \text{ bulan}$
		:	RM42,143.08
	Ganjaran Baharu	:	$7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPSI}$
	:	$7.5\% \times \text{RM2,203.56} \times 360 \text{ bulan}$	
	:	RM59,496.12	

Kategori 4: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar 360 Bulan Dan Lebih

Tempoh Perkhidmatan (TP)	Gaji Akhir (GA)	:	RM5,440.60
	TP Sebenar (TPS)	:	386 bulan
	TP Secara Isyarat (TPSI)	:	Pencen: 360 bulan Ganjaran: TPS
Pencen	Pencen Sebenar	:	$3/5 \times \text{GA}$
		:	$3/5 \times \text{RM5,440.60}$
		:	RM3,264.36
	Pencen Baharu	:	$3/5 \times \text{RM5,440.60}$
		:	RM3,264.36
Ganjaran	Ganjaran Sebenar	:	$7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPS}$
		:	$7.5\% \times \text{RM5,440.60} \times \text{386 bulan}$
		:	RM157,505.37
	Ganjaran Baharu	:	$7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPS}$
		:	$7.5\% \times \text{RM5,440.60} \times \text{386 bulan}$
	:	RM157,505.37	